

01 NOV 1999

Bendera-PAS

ANGGOTA UMNO BIAYAI PEMASANGAN BENDERA PAS DI LANGKAWI

LANGKAWI, 1 Nov (Bernama) -- Pemasangan bendera oleh parti pembangkang terutama PAS di sini dibiayai oleh anggota Umno yang juga kontraktor yang kecewa kerana tidak diberikan projek kerajaan, kata Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Beliau berkata bendera itu bukan dibeli dengan wang PAS tetapi oleh segelintir kontraktor yang juga anggota Umno yang berjaya tetapi tidak tahu mengenang budi.

"Hanya kerana mereka tidak memperolehi kontrak tertentu, mereka menjadi kecewa dan telah membiayai pembelian bendera berkenaan," katanya ketika berucap pada upacara pecah tanah kompleks Sekolah Menengah Kelibang dan Sekolah Kebangsaan Mengulu di sini.

Projek bernilai RM40 juta itu mengandungi 30 bilik darjah untuk sekolah menengah dan 26 bilik darjah sekolah rendah yang dijangka siap akhir tahun depan.

Tanpa menamakan individu-individu berkenaan, Sanusi berkata menyifatkan golongan seperti itu adalah seperti "anak derhaka yang tidak tahu mengenang jasa ibu bapa yang bersusah payah memelihara mereka."

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau meminta penduduk Langkawi supaya sentiasa bersyukur dengan usaha pemimpin yang ada sekarang sehingga pulau peranginan itu menjadi antara daerah paling pesat membangun.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Langkawi semalam juga berpuas hati dengan semua projek yang dia lawati dan akan membawa lagi banyak projek. Jadi orang Langkawi kena sokong," katanya.

Sebelum itu, pada majlis perasmian satu persidangan antarabangsa mengenai pertukaran maklumat laut dalam di Pasifik Barat, Sanusi berkata persidangan itu akan dapat membantu Kedah dalam projek tebus guna pantai di Kedah yang telah mendapat kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar.

Katanya Kedah akan memastikan projek pembangunan itu tidak akan merosakkan alam sekitar dengan dipimpin oleh fikiran bernas pakar-pakar dunia dalam bidang oseanografi.

Katanya kerajaan akan menubuhkan satu pusat penyelidikan marin di Pulau Tuba di bawah Langkawi International University of Tomorrow (LIUT) dengan mendapatkan bantuan pakar antarabangsa dalam bidang itu.

-- BERNAMA

NH MAI